

21/07/2005

Umno-Puteri (AP)

MINTA MAAF BUKAN PANDANGAN PUTERI UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Saranan beberapa pemimpin Puteri Umno supaya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memohon maaf kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Permit Import (AP) bukan merupakan pendirian pergerakan itu.

Ketuanya Noraini Ahmad berkata saranan beberapa pemimpin pergerakan itu lebih merupakan pandangan individu.

"Itu (pandangan) mereka... ia bukan pendirian Puteri," katanya ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) oleh Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini.

Noraini berkata Puteri Umno tidak mahu "campur tangan" dalam urusan yang tidak berkaitan dengan kepentingan sayap itu.

"Kita tidak mahu campur, sebab ini perkara lain. Ini bukan isu yang relevan kepada Puteri," katanya.

Isu AP tidak dibangkitkan pada Perhimpunan Agung Puteri semalam.

Noraini berkata Puteri memberi tumpuan kepada isu pendidikan dan jika isu AP dibincangkan, ia lari daripada fokus Puteri.

Semalam, beberapa pemimpin Puteri Umno meminta Rafidah memohon maaf kepada Dr Mahathir memandangkan bekas Perdana Menteri itu telah banyak menabur jasa dan bakti untuk membangunkan negara.

-- BERNAMA

LES MKO LAT